

Jika Kita Ingin Dihormati, Belajarlah Untuk Menghormati

Sikap hormat-menghormati sesama manusia sangat dituntut bagi setiap ajaran agama. Tidak dapat tidak, sikap hormat adalah antara elemen terpenting di dalam sesuatu hubungan apa jua pun. Sikap hormat ini tidak terhad hanya untuk "yang muda kepada yang tua" atau "yang berpangkat rendah kepada yang berpangkat tinggi" sahaja malah kedua-dua pihak hendaklah saling menghormati antara satu sama lain untuk membina ummah atau komuniti yang dipandang tinggi oleh masyarakat.

Sudah menjadi lumrah manusia, kita memerlukan antara satu sama lain, lebih-lebih lagi di tempat kerja atau di sesebuah organisasi baik untuk berinteraksi mahupun bersosial. Pelbagai cara yang dapat dilakukan untuk memupuk sikap saling menghormati seperti memiliki pandangan terbuka, bersikap ramah, menyapa/membalas senyuman, bersikap empati atau kebolehan meletakkan diri dalam kedudukan orang lain dan menolong tanpa mengira umur, pangkat dan latar belakang sosial.

Keharmonian di tempat kerja perlu bermula dengan sikap hormat-menghormati antara satu sama lain kerana kita akan menghabiskan hampir 10 jam berada di tempat kerja. Marilah kita sama-sama memupuk sikap saling hormat-menghormati bagi membentuk organisasi yang cemerlang.



We don't always
have to agree with
one another but it's
important that we
learn to respect
each other.

Rubyanne

"I speak to everyone in the same way,
whether he is the garbage man or the
president of the university."

Albert Einstein

#integriti4/2021